



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70
No. 2

19hb Januari 2017

*TAMBAHAN
No. 1*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 158.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Iqbal bin Zainal Abidin (KP. 860711-38-6545), Pentadbir Tanah Temerloh, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada 2 Februari 2017 bersamaan hari Khamis jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM240,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Empat Puluh Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM585,143.84. Nama Pemegang Gadaian ialah CIMB Bank Berhad, Level 13, Menara Bumiputera-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM13,000.00.
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukol dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukol dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 2 Jun 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Jenderak Daerah Temerloh. No. Lot—9609. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1563. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3315/2009. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 September 2016
[PTT. 4/369/17/2016]

*Pentadbir Tanah
Temerloh*

No. 159.**AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960**

(Akta 486)

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah bagi tujuan Projek Pembangunan Kompleks Sukan Ketapang di Ketapang, Mukim Pekan, Daerah Pekan, Pahang di bawah Perenggan 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT).

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL**Daerah—Pekan. Mukim—Pekan.**

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	P.M.		Hektar	Hektar
22459	2902	Salehah binti Osman 1/1 bhg.	0.9913	0.9913
22460	2903	Faidhullah bin Abdull Samat 1/1 bhg.	0.7831	0.7831
22461	2904	Safinaz binti Abdul Samat 1/1 bhg.	0.743	0.743
22462	2905	Zainab Hanina binti Abdull Samat 1/1 bhg.	0.6536	0.6536

Bertarikh 12 Januari 2017
[PTP. 8.0352.16]

DATO' NAZRI BIN ABU BAKAR
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA